

# IOQRA'



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Abdul Razak

اقل

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmlibrary



libraryuitm



libraryuitm



library.uitm.edu.my



4

Penandaarasan Perpustakaan  
Universitas Pendidikan  
Indonesia (UPI)



5

Kunjungan Hormat ke Pejabat  
Kursi Raja-Raja Melayu UiTM  
Shah Alam



**LIVE** HD

8

Live@PTAR Program Bicara  
Pakar: "The Changing Land-  
scape in Higher  
Education"

**LIVE** HD

18

Live@PTAR Siri 1:  
"Bibliometrics For Librarian  
And Journal Writing"

**BIBLIOMETRICS  
FOR LIBRARIAN AND  
JOURNAL WRITING**

**LIVE** 28<sup>th</sup> FEBRUARY 2021 (SUNDAY)  
09:30 AM

**LIVE** HD

23

Live@PTAR UCM Siri 1 Segmen  
Bersama Pakar Revolusi Digital:  
Isu dan Cabaran Penulis  
Kontemporari





# KATA ALU-ALUAN Ketua Pustakawan



Ts. Noor Hidayat bin Adnan  
Ketua Pustakawan UiTM

## *Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera*

Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Illahi dengan izin dan limpah kurniaNya, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dapat menerbitkan e-Buletin IQRA bagi keluaran bulan Februari 2021. e-Buletin IQRA telah diterbitkan bagi tujuan pihak perpustakaan memuatnaik dan berkongsi maklumat mengenai aktiviti dan program yang telah dianjurkan oleh Perpustakaan UiTM Shah Alam dan juga di seluruh cawangan secara konsisten pada setiap bulan.

Penglibatan staf perpustakaan dalam bidang penulisan dapat dilihat sebagai nilai tambah dalam perkembangan kerjaya (*career development*). Kemahiran dalam pencarian maklumat seharusnya digunakan sebaik mungkin agar penulisan yang dihasilkan berimpak dan berkualiti. Penganjuran program berkaitan seperti Live@PTAR segmen bersama pakar "Revolusi digital: isu dan cabaran penulis kontemporari" yang dijalankan oleh PTAR UiTM Cawangan Melaka dan "Bibliometrics for Librarian and journal writing" oleh Perpustakaan Tengku Anis UiTM Cawangan Kelantan sedikit sebanyak membuka minda para peserta dalam menceburi bidang penulisan. Semoga perkongsian ilmu tersebut dapat memberi manfaat kepada masyarakat khususnya warga UiTM.

Akhir kata, sekalung penghargaan dan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pasukan jawatankuasa sidang editor kerana telah berjaya menghasilkan e-Buletin IQRA ini.

Terima Kasih

Wassalam.

Ts. Noor Hidayat Bin Adnan,  
Ketua Pustakawan



# SIDANG REDAKSI

# IQORA'

## PENASIHAT

Ts. Noor Hidayat bin Adnan

## KETUA EDITOR

En. Jamalludin bin Hj. Sulaiman

## EDITOR

Pn. Roslah binti Laman

## PENOLONG EDITOR

Cik Nor Sabariah binti Mansor

## PENYELARAS

Pn. Adlina binti Abdullah

## REKA BENTUK GRAFIK

Pn. Noor Azureen binti Abd. Aziz

## WARTAWAN/WAKIL CAWANGAN

Shah Alam	: Pn. Adlina Abdullah, En. Mohd Alfarabie Mohd Nasir, Pn. Nik Zatihulwani Jamaludin, Tn. Hj. Ahmad Faizar Jaafar, Pn. Siti Salwa Abdul Rahman, En. Abdul Razak Abdul Rahman, Pn. Norazlin Mohd. Yusof, Pn. Nurul Fariyah Sarmin Panut, Pn. Nor Hafizah Md. Hanafiah, Pn. Noredayu Rosli, Pn. Azian Azis
Melaka	: Cik Hazlin Ibrahim Khan, Pn. Siti Haidah Md Aziz & Cik Ilya Nur Fateen Othman
Perlis	: Cik Nor Azrina Kassim
Sabah	: Cik Marlia Yuming
Kedah	: Pn. Noor Azlin Abdullah
Pulau Pinang	: Pn. Rafidah Muhamad Sam, Pn. Nor Azilawati Mohamad Azmi, Pn. Nurhayati Hassan
Kelantan	: En. Muslim Ismail @ Ahmad
Perak	: En. Mohd Azim Ansori, Cik. Nur Dayana Mohd Narwawi
Sarawak	: Pn. Hapsah Suut
Pahang	: Pn. Norfitriah Mat Seman, En. Roshairi Che Razali, En. Mohd Anwar Hassim
Terengganu	: En. Mohd Shahnizam Mat Zain, Pn. Asmahani Abdullah
Johor	: Pn. Siti Rozana Mat Sanat, Pn. Nor Azelea Mohd Azahar
N. Sembilan	: En. Syaiful Hisyam Saleh, En. Mohd Hafiz Kasirun & Pn. Nur Rabita Rouzan
Selangor	: Pn. Nurul Diana Jasni, Pn. Nur Fatimah Muhamad, Pn. Nur Aina Amira Rasidi, Pn. Wan Rohani Wan Chin

## PENERBIT

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),  
Universiti Teknologi MARA,  
40450, Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan.

## KEKERAPAN KELUARAN

12 Keluaran Setiap Tahun

ISSN NO : 2735-1920



PAMERAN MAYA KARTOGRAFI DAN PETA KREATIF  
PELAJAR SAINS UKUR DAN GEOMATIK, FSPU  
SEPANJANG FEBRUARI 2021

BULETIN

Disediakan oleh : Nor Sabariah Mansor



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
CAWANGAN SHAH ALAM



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dengan kerjasama Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur, UiTM telah mengadakan Pameran Maya Kartografi: Projek Kartografi dan Peta Kreatif Pelajar Sains Ukur dan Geomatik, FSPU UiTM Shah Alam. Pameran maya yang berlangsung sepanjang bulan Februari 2021 ini adalah berkenaan dengan Projek Kartografi dan Peta Kreatif Pelajar Sains Ukur dan Geomatik, FSPU UiTM Shah Alam.

Untuk melihat  
Pameran Kartografi:



Sebarang  
pertanyaan:




Sebarang pertanyaan, boleh menghubungi:

Sr .Gs. Dr. Abdul Rauf Abdul Rasam 013-5444289

PENANDAARASAN PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITAS PENDIDIKAN INDONESIA (UPI)  
1 FEBRUARI 2021

BULETIN



Berita di laman web  
Perpustakaan Universitas  
Pendidikan Indonesia  
(UPI):



Penandaarasan oleh Perpustakaan Universitas Pendidikan Indonesia (UPI) telah dilaksanakan secara atas talian menggunakan platform Zoom Meeting. Penandaarasan ini diketuai oleh Ketua Pustakawan iaitu Ibu Dr. Riche Cynthia Johan, M. Si serta beberapa pegawai perpustakaan dan diraikan oleh Ts. Hj. Azizi bin Jantan selaku Ketua Jabatan Perpustakaan Digital, Tn. Hj Ahmad Falzar dan En. Ashraf Zamani.

Tujuan penandaarasan ini adalah untuk mendapatkan gambaran sebenar mengenai pengurusan koleksi digital seperti yang telah diwujudkan oleh Perpustakaan Tun Abdul Razak. Justeru, pihak PTAR amat berbesar hati berkongsi maklumat mengenai pengurusan koleksi digital akses terbuka (open access) dan laman web perpustakaan. Penekanan turut diberikan kepada tiga komponen Perpustakaan Digital PTAR iaitu perkhidmatan digital (digital service), koleksi digital (digital collection) dan proses digital (digital process). Di samping itu, proses pengindeksan bahan akses terbuka seperti Directory Open Access Journal (DOAJ), Directory Open Access Book (DOAB) dan lain-lain repositori institusi turut dikongsi bersama. Semoga perkongsian ini dapat memberi manfaat kepada seluruh warga Perpustakaan Universitas Pendidikan Indonesia (UPI).





Satu kunjungan hormat ke Pejabat Kursi Raja-Raja Melayu UiTM Shah Alam telah dilaksanakan pada 3 Februari 2021. Kunjungan hormat ini bertujuan untuk membincangkan mengenai Program Library Outreach@PTAR yang menekankan tentang pemasaran perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan yang disediakan. Kunjungan ini juga bagi membincangkan mengenai program Bicara Bersiri bersama Penyandang Kursi Institusi Raja-Raja Melayu, Prof. Datuk Dr. Shamrahayu Abdul Aziz.

Kedatangan wakil PTAR telah disambut mesra oleh Prof. Datuk Dr. Shamrahayu Ab. Aziz, Penyandang Kursi Institusi, En. Wan Ahmad Rahiman Wan Ab. Rahim, Timbalan Pendaftar En. Azhar Abd Rahman, Pegawai Eksekutif dan Cik Yan Ramdayani Ismail, Kerani. En. Jamalludin bin Hj. Sulaiman, Ketua Jabatan Perkhidmatan Perpustakaan yang mengetuai kunjungan hormat ini telah memberi taklimat dan berkongsi maklumat mengenai perkhidmatan PTAR dibantu oleh Pn. Adlina Abdullah, Pustakawan Kanan dan En. Mohd Alfarabie Mohd Nasir, Pustakawan Kanan. Pameran Book2u turut diadakan dan semoga perkongsian ilmu ini dapat memberi manfaat kepada warga Pejabat Kursi Raja-Raja Melayu.





BELI RUMAH" | 3 FEBRUARI 2021 | 10:00 PAGI

Live@PTAR Siri 4 "10 Panduan Asas Beli Rumah oleh Ts. Siti Hafisah Zulkarnain"

3,960 views · Streamed live on Feb 3, 2021

**Untuk menonton semula:**

**10 PANDUAN ASAS BELI RUMAH**

APA YANG PEMBELI PERLU TAHU?

1. SEBAB-SEBAB KENAPA PERLU BELI RUMAH
2. PILIHAN JENIS-JENIS HARTA TANAH KEDIAMAN
3. FAKTOR-FAKTOR YANG PERLU DIPERTIMBANGKAN DALAM MEMBELI RUMAH
4. TAHAP KEMAMPUAN UNTUK MEMBELI RUMAH
5. SYARAT KELAYAKAN PINJAMAN PERUMAHAN
6. ISTILAH-ISTILAH ASAS
7. LANGKAH-LANGKAH ASAS MEMBELI RUMAH
8. PEMBEDIAN HARTA TANAH KEDIAMAN JENIS LELONG
9. HAK PEMBELI DARI SUDUT PERUNDANGAN
10. PERCUKAIAN YANG TERLIBAT BAGI MEMILIKI RUMAH KEDIAMAN

AN ASAS BELI RUMAH" | 3 FEBRUARI 2021 | 10:00 PAGI

Live@PTAR Siri 4 "10 Panduan Asas Beli Rumah oleh Ts. Siti Hafisah Zulkarnain"

3,960 views · Streamed live on Feb 3, 2021

262 8 SHARE SAVE

Perpustakaan Tun Abdul Razak Alam Bina, UiTM Shah Alam telah menganjurkan program bual bicara secara langsung bertajuk "10 Panduan Asas Beli Rumah" di bawah segmen Bicara Buku. Program ini telah dikendalikan oleh Pn. Nurul Fariyah Sarmin Panut, Pustakawan Kanan, selaku moderator bersama dengan panel jemputan iaitu Sr. Ts Siti Hafisah Zulkarnain Pensyarah Kanan, di Pusat Pengajian Pengurusan Hartanah, Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur (FSPU) UiTM Shah Alam. Perkongsian ilmu pada kali ini mengupas dengan lebih lanjut mengenai sebuah buku bertajuk "10 Panduan Asas Beli Rumah" yang ditulis oleh Sr. Ts. Siti Hafisah Zulkarnain, bersama Dr. Iriani Ibrahim, Pensyarah Kanan daripada Fakulti Undang-Undang UiTM dan Pn. Alice Rozianne, peguambela dan peguamcara di Alice Rozianne, Azhar & Co. Buku yang ringkas dan padat ini disasarkan kepada golongan pembeli rumah pertama atau pembaca yang ingin mendapatkan maklumat dan perkongsian mengenai pengalaman membeli rumah dengan cara yang betul.

Melalui buku ini, pembaca akan dihidangkan dengan 10 panduan asas beli rumah seperti sebab-sebab membeli rumah, pilihan jenis harta tanah kediaman, faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan dalam membeli rumah, syarat kelayakan pinjaman perumahan, istilah-istilah asas dan langkah-langkah asas membeli rumah. Selain itu, pembaca juga berpeluang untuk menambah ilmu pengetahuan mengenai pembelian harta tanah kediaman jenis lelong dan percukaian yang terlibat bagi memiliki rumah kediaman. Panel juga berkongsi pengalaman beliau sebagai seorang pensyarah di Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur, UiTM Shah Alam dalam memupuk amalan membaca sebagai budaya dalam kehidupan harian. Panel turut berkongsi pengalaman beliau dalam menerapkan budaya membaca dikalangan ahli keluarganya. Semoga perkongsian kali ini dapat memberi manfaat kepada segenap golongan masyarakat terutamanya dari segi perancangan pembelian rumah.



**LIVE @ PTAR**  
 Perpustakaan Tun Abdul Razak, Universiti Teknologi MARA

**BANJIR DAN PENYAKIT:**  
 Aplikasi Teknologi Penderiaan Jauh (Remote Sensing)  
 dan Inovasi Pemetaan  
 7 FEBRUARI 2021 (JABU) | 11:00 PADI - 0:00 TENGAH HARI

Panel Jemputan:  
 ✖ Gs. Dr. Abdul Rauf Abdul Rasam  
 Pengerusi Panel Penyelidikan Sains Ulu dan Geomatik FSPU  
 UITM Shah Alam

✖ Pn. Dr. Nor Aizam Adnan  
 Pengerusi Panel Penyelidikan Sains Ulu dan Geomatik FSPU  
 UITM Shah Alam

✖ Dr. Faridah Kusnin  
 Pakar Perubatan Kesihatan Awam  
 Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Moderator:  
 ✖ Pn. Nurul Farihhah Sarmin Panut (Pustakawan Kanan)  
 PTAR Alam Bina UITM Shah Alam

Untuk menonton semula:

Zoom Meeting: Inovasi Pemetaan Geospasial

Dr. Faridah Kusnin

Perpustakaan Tun Abdul Razak Alam Bina UITM Shah Alam telah menganjurkan program bual bicara secara langsung bertajuk "Banjir dan Penyakit: Aplikasi Teknologi Penderiaan Jauh (Remote Sensing) dan Inovasi Pemetaan Geospasial" di bawah segmen Bicara Tokoh. Program ini telah dikendalikan oleh Pn. Nurul Farihhah Sarmin Panut, Pustakawan Kanan, selaku moderator bersama dengan panel jemputan daripada Pensyarah Kanan, FSPU UITM Shah Alam iaitu Gs. Dr. Abdul Rauf Abdul Rasam, dan Prof. Madya Dr. Nor Aizam Adnan. Panel bersama juga adalah Dr. Faridah Kusnin yang merupakan Pakar Perubatan Kesihatan Awam dari Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Sesi perkongsian ilmu ini dimulakan dengan penerangan maksud penderiaan jauh atau Remote Sensing (RS) oleh Dr. Nor Aizam Adnan; iaitu salah satu teknik bagi mendapatkan data permukaan bumi tanpa menyentuh objek di permukaan bumi. Beliau turut menerangkan proses-proses mendapatkan data melalui kaedah penderiaan jauh tersebut dan jenis remote sensor yang digunakan. Seterusnya, Gs. Dr. Abdul Rauf Abdul Rasam berkongsi maklumat mengenai inovasi pemetaan Geospasial. Menurut beliau, peta yang berkesan atau inovatif mampu memberi idea dan gambaran yang sebenar seperti apa yang berlaku di permukaan bumi sekaligus membantu pihak berwajib dalam membuat keputusan dengan lebih baik. Di samping itu, beliau turut menjelaskan hubung kait fungsi Geospasial pemetaan, termasuklah pemetaan RS dalam persekitaran dan penyakit atau kesihatan. Pendekatan Spatial Epidemiologi sebagai contoh mampu membantu KKM dalam membuat ramalan bagi kejadian atau situasi penyakit.

Dr. Faridah Kusnin dalam perkongsian beliau menjelaskan serba sedikit mengenai perbezaan di antara pasukan kesihatan awam dan pasukan perubatan. Pasukan kesihatan awam bertanggungjawab dalam membuat penilaian risiko dan pemantauan persekitaran semasa bencana banjir. Selain itu, beliau juga berkongsi mengenai risiko-risiko penyakit yang terjadi semasa banjir yang disebarkan melalui udara, sentuhan dan sebagainya. Kejadian lemas, renjatan elektrik dan masalah psikologi seperti trauma turut mengancam keselamatan mangsa-mangsa banjir perlulah dipertimbangkan bersama dalam membuat keputusan. Semoga perkongsian kali ini dapat memberi manfaat kepada penonton khususnya warga UITM untuk memahami peranan aplikasi teknologi geospasial, RS, GIS dan GPS dalam mengendalikan isu bencana alam dan wabak penyakit. Program ini telah mendapat sebanyak 3,512 tontonan.





The screenshot shows a YouTube live stream interface. On the left, there is a list of VUCA (Volatility, Uncertainty, Complexity, Ambiguity) characteristics. The main content area features a timeline of higher education events: MEB(HE)-2015 (SDG: 25-27 Sept 2015), IR4.0 (20-23 Jan 2016), REDESIGNING HE-2017, GE14-May 2018, COVID19-2019/2020, and CHANGE IN GOVT. 2020. Below this is the text 'THE NEW NORMAL'. On the right, there is a slide titled 'EDUCATION 5.0' with the UTM Academic Compass logo and the text 'NAVIGATING THE FUTURE'. The slide lists key points: COHERENT & RELEVANT CURRICULUM (Industry input on skillsets, technology & content; Scenario planning and foresight analysis); INNOVATIVE ACCURATE & RELEVANT ASSESSMENTS (Measure and evaluate competencies rather than focussing mainly on the cognitive domain); DELIVER CURRICULUM IN LEARNING SPACES THAT CREATE A CONDUCIVE LEARNING ENVIRONMENT; EMPLOY INSPIRING EDUCATORS THAT HELP STUDENTS TO CONSTRUCT THEIR KNOWLEDGE RATHER THAN EDUCATORS W/ KNOWLEDGE; and LEARNING SHOULD BE MEANINGFUL AND RELEVANT RATHER THAN THE FEELING OF BEING PUT THROUGH THE MOTIONS. A caption below the slide reads: 'Sekiranya ada soalan boleh dinyatakan di ruang komen socmed'.

The screenshot shows a YouTube live stream with two men seated at a table. The man on the left is wearing a blue polo shirt and glasses, while the man on the right is in a dark suit and glasses. They are in a studio setting with a backdrop that includes the UTM logo and social media icons. A caption below the video reads: 'Live@PTAR Siri 6 "The Changing Landscape in Higher Education" | 24 Februari 2021 | 11:00 Pagi'.

Untuk menonton semula:

This section contains two QR codes, one for YouTube and one for Facebook, intended for users to watch the recorded content.

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam telah menganjurkan program bual bicara secara langsung bertajuk "The Changing Landscape in Higher Education" di bawah segmen Bicara Pakar. Program ini telah dikendalikan oleh Encik Jamalludin Haji Sulaiman, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, selaku moderator bersama dengan panel jemputan Prof. Sr. Ir. Dr. Haji Suhaimi Abd Talib, Penolong Naib Canselor, Kolej Pengajian Kejuruteraan UiTM Shah Alam. Sesi perkongsian ilmu ini dimulakan dengan penjelasan mengenai satu perubahan besar yang pernah berlaku pada tahun 1990, ekoran daripada runtuhnya Tembok Berlin pada penghujung tahun 1989. Selepas runtuhannya tersebut, pola politik di peringkat global berubah dan membawa kepada situasi yang dinamakan sebagai VUCA (Volatility, Uncertainty, Complexity Ambiguous).

Di Malaysia, terdapat beberapa peringkat perubahan bermula dari tahun 2015 sehingga 2020 yang dilihat sebagai situasi VUCA dalam institusi pengajian tinggi dan memerlukan pendekatan norma baharu untuk terus maju ke hadapan. Menurut Prof. Sr. Ir. Dr. Haji Suhaimi Abd Talib, terdapat empat cabaran utama yang dihadapi oleh institusi pengajian tinggi. Pertama, kehadiran para pelajar yang lahir selepas tahun 2000 merupakan generasi berteknologi dan membesar dengan gajet dan media sosial. Kedua, universiti tidak lagi memonopoli ilmu pengetahuan kerana ia boleh dicapai di hujung jari. Ketiga, kemungkinan universiti tidak lagi menjadi entiti yang memberi penganugerahan ijazah dan akhir sekali kewujudan Pandemik COVID-19 yang mewujudkan suasana fleksibel, inovatif dan lebih bersedia dalam menghadapi masa depan. Di samping itu, panel jemputan turut berbesar hati berkongsi maklumat mengenai Education 5.0 yang telah dirangka di peringkat UiTM. Ia amat penting dalam menyiapkan para pelajar menempuhi alam pekerjaan yang semakin mencabar.

Terdapat lima tunggak Education 5.0 iaitu penggubalan reka bentuk kurikulum yang relevan dan koheren, penggubalan assessment tools, memastikan kurikulum yang dirangka boleh disampaikan dalam learning environment yang bersesuaian, mempunyai inspiring educators, dan memastikan para pelajar mendapat pengalaman belajar yang baik. Program ini telah mendapat sebanyak 1,877 tontonan.



The image shows a Zoom meeting interface. On the left, a presentation slide titled "OVERVIEW OF PENDING RECORD" is displayed. It includes a table with the following data:

Year	2021	2020	2019	2018	2017	2016	2015	2014	2013
Pending By PTAR	(50)	(215)	(85)	(73)	(41)	(56)	(42)	(56)	(64)

Below the table, it says "Data sehingga 2021-02-26 08:10:30".

On the right, another presentation slide titled "KENALI KOORDINATOR PRISMA ANDA DI PTAR UiTM SHAH ALAM" is shown. It features a photo of Puan Siti Rohayu binti Mohamad Yusof and contact information for the PTAR Shah Alam branch.

Bermula tahun 2021, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah diamanahkan untuk menjalankan proses semakan dan validasi penerbitan berindeks dan tidak berindeks warga Universiti. Proses kerja ini di bawah pengurusan dan seliaan Bahagian Penyelidikan, Pembelajaran dan Rujukan. Bagi memastikan proses-proses semakan dan validasi ini dapat dijalankan dengan lancar dan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan, seramai 57 koordinator PRISMA PTAR telah dilantik di seluruh Perpustakaan UiTM Cawangan manakala Puan Siti Rohayu binti Mohamad Yusof sebagai Penyelaras Pasukan Koordinator PTAR. PTAR menggunakan Pekeliling Naib Canselor Bil. 3 Tahun 2021: Pelaksanaan Proses Pendaftaran dan Validasi Penerbitan dalam Sistem Penerbitan UiTM (PRISMa) serta Keputusan Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil. 4/2021 sebagai punca kuasa dalam melaksanakan proses kerja ini.

Antara perkara penting di dalam Pekeliling yang telah dikeluarkan ini adalah semua warga Universiti yang mempunyai apa jua bentuk penulisan dan telah diterbitkan dimana-mana sumber perlu lah memberi perhatian kepada :

- Semua penerbitan perlu didaftarkan sejeurus diterbitkan.
- Proses validasi PTAR adalah dalam tempoh 14 hari bekerja.
- Penerbitan yang diterbitkan dalam tempoh Januari – November perlu didaftarkan selewatnya pada 30 November.
- Hanya penerbitan yang diterbitkan pada bulan Disember dibenarkan untuk didaftarkan pada bulan Disember untuk divalidasi.

Bagi memastikan semua warga Universiti memahami tatacara pengisian pendaftaran hasil penulisan mereka ke dalam sistem PRISMa (Publication Repository Information System Management), Bahagian Penyelidikan telah merancang dan melaksanakan RoadTour Taklimat Proses Semakan Validasi Penerbitan Warga UiTM ke dalam Sistem PRISMa bermula pada 16 Februari 2021 hingga Jun 2021. Bagi bulan Februari 2021, Bahagian Penyelidikan, Pembelajaran dan Rujukan dengan kerjasama Research Management Center (RMC UiTM) serta Perpustakaan UiTM Cawangan telah mengadakan siri taklimat bagi :

- Warga Fakulti Pengurusan Perniagaan, pada 16 Februari 2021 anjuran PTAR UiTM Selangor dengan kehadiran 60 peserta.
- Warga Akademik UiTM Cawangan Negeri Sembilan pada 17 Februari 2021, anjuran PTAR UiTM Negeri Sembilan dengan kehadiran 114 peserta.
- Warga Akademik UiTM Cawangan Melaka pada 23 Februari 2021, anjuran PTAR UiTM Melaka dengan kehadiran 152 peserta.
- Warga Akademik UiTM Cawangan Kedah pada 24 Februari 2021, anjuran PTAR UiTM Kedah dengan kehadiran 92 peserta.
- Warga Akademik UiTM Cawangan Pahang pada 26 Februari 2021, anjuran PTAR UiTM Pahang dengan kehadiran 107 peserta.

Melalui siri taklimat ini, pihak BPPR PTAR mendapat banyak maklum balas yang sangat baik dan amat berguna bagi penambahbaikan bukan sahaja bagi proses semakan dan validasi, malahan penambahbaikan bagi keperluan sistem PRISMa. Siri Taklimat ini dikendalikan oleh En Mohd Ismail Abidin, Timbalan Ketua Pustakawan dan Puan Siti Rohayu Binti Mohd Yusof, Pustakawan Kanan serta dibantu oleh Prof Dr. Nor Azura Md. Ghani, Dr. Saiful Izwan Suliman, dan Puan Khairunnisa Omar dari Research Management Center (RMC UiTM). Sebagai rekod, sehingga 28 Februari 2021, sebanyak 2,153 rekod penerbitan warga UiTM telah disemak dan melalui proses validasi.



# TAKLIMAT PERKHIDMATAN DIGITAL PTAR 8 FEBRUARI 2021

**BULETIN**

*Disediakan oleh : Muhammad Shafiq Snin*

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
CAWANGAN MELAKA

PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah telah mengambil inisiatif berkongsi ilmu dan maklumat secara atas talian memandangkan kebanyakan warga UiTM kini menjalani sesi pengajaran dan pembelajaran secara Online and Distance Learning dengan memberikan Taklimat Perkhidmatan Digital PTAR.

Taklimat disampaikan bermula jam 2.30 petang hingga 4.30 petang dan dihadiri oleh sebilangan pensyarah dan staf. Seramai 44 orang peserta terlibat mengikuti taklimat yang telah dijalankan iaitu 10 orang dari Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, 4 orang dari Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, 8 orang dari Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, 2 orang dari Fakulti Sains Komputer dan Matematik, 6 orang dari Akademi Pengajian Bahasa serta 14 orang dari Bahagian Perpustakaan Tun Abdul Razak. Taklimat disampaikan oleh Cik Hazlin Ibrahim Khan Pustakawan Kanan dan dibantu oleh Puan Roslinah Harun Pembantu Pustakawan Kanan.




**Taklimat Perkhidmatan Digital PTAR**  
 ANJARAN: Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dan Pusat Pengajian Tembak UTM Cawangan Melaka (PPF)

Hari: Isnin  
 Tarikh: 8 Feb 2021  
 Masa: 2.30 ptg hingga 4.30 ptg

Meet Link: <https://meet.google.com/tjjo-puag-rrm>

Meet Code: [QR Code]

Pelajar Postgradswazah dan Pensyarah dijemput hadir. Jaminan Latihan akan disediakan.



# TAKLIMAT VALIDASI PENYELIDIKAN PRISMA UiTM CAWANGAN MELAKA 23 FEBRUARI 2021

**BULETIN**

*Disediakan oleh : Muhammad Shafiq Snin*



**LATAR BELAKANG**

1. Anas berminat untuk menerbitkan artikel yang tidak berindeks dalam jurnal terakreditasi oleh Perpustakaan Tun Abdul Razak bertukar pada 3 Januari 2021.
2. Puan Kanan
  - i. Kelabing Nabu Carrazer UI, 3 Tahun 2021: Pelaksanaan Proses Pendaftaran dan Validasi Penerbitan dalam Sistem Penerbitan UTM (PRISMA).
  - ii. semua penerbitan perlu diterbitkan seperti diterbitkan.
  - iii. proses validasi akan berlaku dalam tempoh 30 hari bekerja.
  - iv. Puan akan yang diterbitkan dalam tempoh 30 hari bekerja - November, pada disahkan semasa pada 30 November.
  - v. Hanya penerbitan yang diterbitkan pada bulan Disember dibenarkan untuk diterbitkan pada bulan Disember untuk divalidasi.
3. Keputusan Majlis Penasihat Prisma (MPP) 04/2021: Memerlukan satu bimbingan dengan salah satu Pustakawan PTAR dan Validasi Penerbitan di dalam Sistem Penerbitan UTM. Teknologi MABA berkuatkuasa pada 1 Februari 2021. Sehingga dengan itu, semua penerbitan akademik atau koordinator PRISMA di luar dari tempoh akan dipadamkan.

**PRISMA**  
PTAR UiTM CAWANGAN MELAKA

**COORDINATOR PRISMA**

Puan Siti Rohayu Mohd Yusof  
Pustakawan Kanan  
PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
KAMPUS BANGALAYA  
No. 248544 / 017 - 272049  
siti@perpustakaanmelaka.com

Cik Hazlin Ibrahim Khan  
Pustakawan Kanan  
PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
KAMPUS BANGALAYA  
No. 248544 / 017 - 272049  
hazlin@perpustakaanmelaka.com

Cik Mya Nur Faleen Othman  
Pustakawan Kanan  
PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
KAMPUS BANGALAYA  
No. 248544 / 017 - 272049  
mya@perpustakaanmelaka.com



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Cawangan Melaka dengan kerjasama PTAR UiTM Shah Alam dan Research Management Center (RMC) UiTM telah mengadakan taklimat dari jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengahari. Tujuan taklimat ini dijalankan adalah untuk memperkenalkan metada penerbitan berindeks dan tidak berindeks yang disampaikan oleh Encik Mohd Ismail Abidin, Timbalan Ketua Pustakawan PTAR UiTM Shah Alam. Selain itu, taklimat ini turut membincangkan proses semakan dan validasi penerbitan yang disampaikan oleh Puan Siti Rohayu Mohd Yusof, Pustakawan Kanan PTAR UiTM Shah Alam dan diakhiri dengan sesi soal jawab. Taklimat ini telah dijalankan secara atas talian melalui aplikasi webinar cisco webex dan dihadiri oleh sebilangan pensyarah yang melakukan penyelidikan.



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Melaka telah menganjurkan program siaran langsung bagi siri 1 dengan membincangkan perihal "Revolusi Digital: Isu Dan Cabaran Penulis Kontemporari". Program siaran langsung segmen bersama pakar ini telah menjemput barisan panel yang telah lama berkecimpung dalam bidang penulisan dan masih bergiat aktif hingga ke hari ini sehingga ada yang berjaya menempa nama di luar negara dalam penghasilan karya-karya yang bermutu dan bekualiti tinggi. Beberapa isu dibincangkan antaranya identiti bahan penulisan, penulisan dalam perspektif perundangan serta penulisan konvensional dan digital. Program ini turut memberi penekanan kepada pembudayaan amalan membaca dalam kalangan penonton. Program ini bermula dari jam 3.00 petang hingga 4.30 petang dan bersiaran langsung melalui platform Youtube dan Facebook. Seramai lebih 300 penonton turut sama bersiaran menyaksikan siaran langsung ini. Berikut merupakan butiran moderator dan ahli panel:



**Moderator:**  
Maznah Maarof  
Pustakawan Kanan  
PTAR UiTM Cawangan Melaka

**Panel:**  
1. Tuan Hj. Abd Razak Adam  
Guru Penolong Kanan HEM,  
SMK Rahmat, Melaka  
Ketua 1 Ikatan Persuratan Melayu (IPM)  
AJK GAPENA

2. En. Mohd Ab Malek Md Shah  
Koordinator / Pensyarah Kanan  
Jabatan Undang-Undang UiTM Cawangan Melaka  
AJK Ikatan Persuratan Melayu (IPM)  
International Committee Member of AID Conference




3. Cik Nur Mardhiah Mohd Rashid  
Penolong Pegawai Psikologi (JKM) Johor  
Editor & Creative Writing International Committee of AID Conference  
Sidang Editorial Komuniti Menulis Malaysia (KISMy)



<https://www.facebook.com/ptarmalacca/videos/1156148584831391>



<https://www.youtube.com/watch?v=e2rX39ToVDc>








Program Read@UiTM "PINJAM, BACA, CERITA" merupakan inisiatif Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Melaka bagi memastikan kelangsungan budaya membaca dalam kalangan masyarakat.


Memandangkan musim pandemik yang masih belum reda serta bagi mengisi masa dan aktiviti staf yang terlibat atau Bekerja Dari Rumah (BDR), staf telah diberi peluang untuk meminjam dan membaca seterusnya diminta untuk berkongsi sedikit cerita mengenai bahan bacaan masing-masing.



Seramai 9 orang staf telah dipilih secara rawak bagi siri 1 ini, iaitu 5 orang dari Kampus Alor Gajah, 3 orang dari Kampus Bandaraya Melaka dan seorang dari Kampus Jasin Melaka. Program bermula dari jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengahari. Program ini telah dijalankan secara atas talian melalui aplikasi webinar cisco webex.







Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin telah menjalankan pameran maya bertajuk "Vaksin-COVID-19". Pameran ini diadakan sempena penghantaran pertama bekalan Vaksin COVID-19 yang dijadualkan tiba di Malaysia pada bulan Februari ini. Vaksin COVID-19 adalah antara sinar harapan kita yang paling utama untuk kita menang dalam perang melawan COVID-19. Pameran maya ini berlangsung bermula 15 Februari 2021 sehingga 28 Februari 2021 dan boleh diakses di laman sesawang PTAR UiTM Cawangan Melaka di bahagian Virtual Exhibition.

Pautan Pameran Maya:







**Panel Jemputan:**  
Puan Zety Natamulia binti Elias  
Pembantu Tadbir  
Ustaz Rafiuddin bin Mohd Yusof  
Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan

**Moderator:**  
Pn. Mawar Noor binti Abdullah  
Pustakawan Kanan  
PTDI UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat




**Antara objektif program ialah:**

1. Membudayakan program ilmiah berteraskan pembudayaan galakan membaca.
2. Menjadikan program Read@UiTM sebagai satu norma baru dalam melaksanakan program berbentuk ilmiah.
3. Meningkatkan ketampakan Perpustakaan Tun Dr. Ismail dari usaha-usaha pembudayaan ilmu.
4. Menjadi pusat kecemerlangan bagi program-program pembudayaan ilmu.

**Segmen :** Bicara Buku  
**Tarikh :** 9 Februari 2021  
**Masa :** 10:00 pagi - 11:00 pagi  
**Platform :** Cisco Webex

Program ini telah menerima kehadiran seramai 325 orang peserta.

SESI KONSULTASI: PENGURUSAN FAIL DAN REKOD BERSAMA  
BAHAGIAN PENTADBIRAN KAMPUS PASIR GUDANG  
28 FEBRUARI 2021



28 Februari 2021 - Konsultasi Pengurusan Fail dan Rekod ini bertujuan memantapkan pemahaman dan kemahiran Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) dan Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ) yang dilantik di UiTM Cawangan Johor. Para peserta telah didedahkan dengan prinsip, konsep, perundangan, kaedah dan keperluan-keperluan dalam pengurusan fail dan rekod, selaras dengan Dasar Pengurusan Rekod Universiti Teknologi Mara.

Objektif penganjuran sesi konsultasi ini adalah seperti berikut :

1. Memberi pengetahuan tentang pengurusan dan kepentingan Rekod Penting Universiti.
2. Memberi penjelasan berkaitan kaedah pelupusan
3. Memberi penerangan berkaitan tugas dan tanggungjawab Pegawai Rekod Jabatan & Pembantu Rekod Jabatan
4. Menjelaskan berkaitan sistem Online Finding Archive (OFA)

Taklimat ini telah disampaikan oleh Puan Siti Rozana binti Mat Sanat, Pustakawan Kanan Unit Arkib Cawangan Johor dan telah melibatkan peserta seramai 25 orang.









Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) telah menerbitkan Buletin Cendekiawan INFOCUS Vol. 2 Edisi Julai – Disember 2020. Buletin ini diterbitkan dua kali setahun dengan memuatkan berita-berita perpustakaan yang merangkumi pelbagai maklumat perkhidmatan, aktiviti dan kakitangan Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT. Imbas kod QR pada gambar untuk akses penuh berita atau layari <https://terengganu.library.uitm.edu.my/collections/exhibitions>.

## EINFODISCOVERY@LIBRARY VOL. 2/2021: PENERBITAN BERINDEKS SCOPUS & WOS UiTMCT 2020



eInfoDiscovery@Library Vol. 2/2021 kali ini membawakan kepada anda penerbitan berindeks warga akademik UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) dari sumber *Scopus* dan *Web of Science* sepanjang tahun 2020. Pameran maya ini adalah bertujuan untuk meningkatkan ketampakan penulisan warga akademik UiTMCT seterusnya menyemarakkan lagi semangat warga akademik UiTMCT untuk menerbitkan penulisan berimpak tinggi.


Imbas kod QR pada gambar untuk akses penuh berita atau layari <https://terengganu.library.uitm.edu.my/collections/exhibitions>.





Satu sesi lawatan serta khidmat runding berkaitan pelupusan rekod jabatan telah diadakan di Pejabat Polis Bantuan UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) Kampus Dungun pada 18 Februari 2021, Khamis, jam 10.00 pagi yang lalu. Unit Arkib Cawangan Terengganu diwakili oleh En. Md Kamil Ibrahim (Pustakawan Kanan) dan Puan Kamariah Ahmad (Pembantu Tabdir Kanan), manakala Pejabat Polis Bantuan diwakili oleh Hj. Mohd Nasir Hj. Hamid (DSP/PB) dan Cik Jaslina Ghazali (SM/PB). Turut sama Puan Rohaida Yusof, Pembantu Pustakawan, yang bakal menggantikan Puan Kamariah yang dijadualkan bersara pada bulan Mac nanti. Lawatan kerja berjadual dari unit/bahagian ke unit/bahagian UiTMCT ini adalah bertujuan untuk membantu memberi khidmat runding dan panduan pelaksanaan pengurusan fail, penyimpanan serta pelupusan rekod di unit/jabatan dengan betul.





Unit Arkib, PTAR Cawangan Sarawak telah menganjurkan Taklimat Pelupusan Rekod pada 18 Februari 2021. Program kali ini dijalankan secara atas talian berikutan penularan Pandemik COVID-19 yang melanda negara. Sesi perkongsian ini telah disampaikan oleh Puan Nur Afeqah Abdullah, Pustakawan Kanan, merangkap Ketua Unit Arkib UITM Cawangan Sarawak.

Tujuan bengkel ini diadakan untuk mengenalpasti konsep dan perundangan pelupusan rekod mengikut Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629]. Setiap jabatan perlu melaksanakan urusan sistem fail dengan sistematik mengikut piawaian dan prosedur pelupusan rekod yang telah ditetapkan oleh Arkib Negara Malaysia serta mengaplikasikan proses pelupusan rekod dengan betul mengikut standard dan panduan yang dikeluarkan oleh Arkib Negara Malaysia. Antara aktiviti yang diadakan sepanjang bengkel ialah peserta telah melakukan pelupusan fail secara praktikal dan diberi panduan cara mengisi borang-borang pelupusan yang sepatutnya.

Diharap dengan adanya bengkel ini dapat memberi ilmu pengetahuan kepada para peserta dan dapat dipraktikkan di jabatan masing-masing.



# PROMOSI@PTAR

## BOOK DELIVERY SERVICE





Perpustakaan Tun Abdul Razak

### BOOK DELIVERY SERVICE (BDS)



**INTRODUCTION**

Open to Academic and Admin Staff of UiTM in Shah Alam, Puncak Perdana, Puncak Alam and Sungai Buloh



**DURATION OF DELIVERY**

- 3 Days from the date of application
- Depending on the location and material existence



**LIBRARY MATERIALS FOR THIS SERVICE**

- Collection of materials on the open shelf
- Collection of reference materials

**Books to your doors**

If you prefer to have your reserved items delivered to you at your office, you can use our book delivery services

HAVE A QUESTION? NEED ASSISTANCE?



**SCAN ME NOW!**






## UiTM INSTITUTIONAL REPOSITORY



**Scan Me**

<http://ir.uitm.edu.my/>

Chat with Librarian:  
<https://ptar.uitm.edu.my/libchat/>



Perpustakaan Tun Abdul Razak

**DISCOVER OUR eRESOURCES**

### UiTM INSTITUTIONAL REPOSITORY

UiTM IR Collection consist of Article, Monograph, Book, Image, Video, Conference or Workshop Item, Thesis, Teaching Resource and Other

- 1 Search Topic/Subject
- 2 Select type of resources - thesis
- 3 Result displayed







Perpustakaan Tun Abdul Razak  
Universiti Teknologi MARA

**STAY CONNECTED**  
ANYWHERE | ANYTIME | ANYONE





**TS. MOHAMAD HAMIDI  
BIN HJ. MOHD JAIS**

**Emel: [mhamidi102@uitm.edu.my](mailto:mhamidi102@uitm.edu.my)**

Ijazah Sarjana Muda	: Sarjana Muda Sains Pengajian Maklumat (2003)
Universiti	: Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Bidang Pengkhususan	: Pengurusan Rekod
Sijil	: Sijil Pengaturcaraan (1997)
Universiti / Institut	: Institut Teknologi MARA (ITM)
Bidang Pengkhususan	: Pengaturcaraan Komputer
Ts. MOHAMAD HAMIDI BIN MOHD JAIS (Teknologis Profesional)	Lembaga Teknologis Malaysia (No. Perakuan PT20080237)
Teknologis Berijazah Bidang Teknologi: <i>Information And Computing Technology</i>	Lembaga Teknologis Malaysia (No. Perakuan GT18080335)

**KENALI PUSTAKAWAN**

**ANDA**



## SEJARAH TEMPAT/BAHAGIAN/UNIT BERKHIDMAT

### JABATAN/BAHAGIAN

**Ketua Timbalan Pustakawan**  
16 Mac 2020 hingga sekarang  
Ketua Perpustakaan  
Perpustakaan Tun Abdul Razak  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor  
Kampus Puncak Alam  
42300 Bandar Puncak Alam  
Selangor  
Malaysia

**Timbalan Ketua Pustakawan Kanan**  
2 Disember 2019 hingga 13 Mac 2020  
Ketua Jabatan Perancangan Dan Pembangunan Perpustakaan (JPPP)  
Perpustakaan Tun Abdul Razak  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam

**Timbalan Ketua Pustakawan Kanan**  
15 Julai 2019 hingga 31 Disember 2019  
Lantikan Menjalankan Tugas Ketua Jabatan Pengurusan Perpustakaan (JPnP)  
Perpustakaan Tun Abdul Razak  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam

**Timbalan Ketua Pustakawan Kanan**  
1 Jun 2019 hingga 31 Disember 2019  
Ketua Jabatan Pembangunan Repositori Institusi Universiti  
Perpustakaan Tun Abdul Razak  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam

**Timbalan Ketua Pustakawan**  
1 November 2017 hingga 31 Mei 2019  
Ketua Jabatan Pembangunan Repositori Institusi Universiti  
Perpustakaan Tun Abdul Razak  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam

**Timbalan Ketua Pustakawan**  
1 Januari 2015 hingga 31 Oktober 2017  
Ketua Bahagian Pengurusan Sistem Perpustakaan  
Perpustakaan Tun Abdul Razak 1  
Universiti Teknologi MARA 40450 Shah Alam

# KENALI PUSTAKAWAN

# ANDA



**Timbalan Ketua Pustakawan**  
1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2014  
Ketua Bahagian Pengurusan Perpustakaan Digital  
Perpustakaan Tun Abdul Razak 1  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam

**Timbalan Ketua Pustakawan**  
14 September 2011 hingga 31 Disember 2012  
Ketua Bahagian Pengurusan Sistem Dan Teknologi Maklumat  
Perpustakaan Tun Abdul Razak 1  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam

**Pustakawan Tingkatan Kanan**  
1 Februari 2009 hingga 13 September 2011  
Ketua Bahagian Pembangunan Sumber Digital  
Jabatan Pengurusan Sistem Dan Teknologi Maklumat  
Perpustakaan Tun Abdul Razak 1  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam.

**Pustakawan**  
15 Disember 2008 hingga 30 Mei 2009  
Bahagian Jurnal Bercetak  
Jabatan Perolehan Jurnal Dan Pangkalan Data  
Perpustakaan Tun Abdul Razak  
Universiti Teknologi MARA

**Pustakawan**  
1 Ogos 2003 hingga 14 Disember 2006  
Perpustakaan Tun Dr. Ismail  
UiTM Kampus Segamat, Cawangan Johor.

**Pembantu Perpustakaan**  
1 Oktober 2002  
Bahagian Perkhidmatan Pelanggan  
Perpustakaan Tun Abdul Razak 2  
UiTM Shah Alam.  
(1 Oktober 2002 – 31 Julai 2003)

**Pembantu Perpustakaan**  
2 Januari 2001  
Perpustakaan Fakulti Pengajian Maklumat.  
Pusat Dagangan UMNO Seksyen 11  
UiTM Shah Alam.  
(Januari 2001 – September 2002)

**Pembantu Perpustakaan**  
9 September 1994 – 31 Disember 2000  
Bahagian Koleksi Muzik  
Perpustakaan Tun Abdul Razak 1  
UiTM Shah Alam

**Penyemak Perpustakaan**  
1 Februari 1992 – 8 September 1994  
Bahagian Perkhidmatan Pelanggan  
Perpustakaan Tun Abdul Razak 1  
UiTM Shah Alam

**Pelayan Perpustakaan**  
1 Ogos 1986 – 31 Januari 1992  
Bahagian Perkhidmatan Pelanggan  
Perpustakaan Tun Abdul Razak 2  
UiTM Shah Alam

**KENALI PUSTAKAWAN**

**ANDA**



# Apakah Peranan Pustakawan?

*Apakah peranan Pustakawan dalam menangani berita-berita palsu di pelbagai platform media sosial yang berkemungkinan dijadikan sebagai sumber penulisan?*

“

*Pustakawan memainkan peranan penting serta bertanggungjawab untuk menyedarkan masyarakat mengenai penyebaran berita palsu. Pustakawan perlu mendidik masyarakat untuk menyemak terlebih dahulu kesahihan sesuatu maklumat. Pustakawan juga perlu membantu kerajaan dalam membendung penularan berita palsu melalui peringatan, memberi sumber rujukan sesuatu sumber informasi disebarkan sama ada dalam bentuk posting atau video mengenai cara untuk mengesan berita palsu dan bahaya penularan berita palsu.*

*Literasi media merujuk kepada keupayaan dalam mengakses, memahami, menganalisis dan menilai sesuatu kandungan mesej atau maklumat, juga berkait rapat dengan kematangan dalam mengendalikan platform tersebut. Di sinilah pentingnya literasi media agar masyarakat mempunyai pengetahuan dalam membezakan antara maklumat baik dan maklumat buruk. Keperluan mengenalpasti sumber sama ada ianya primary sources, secondary sources atau pun tertiary sources perlu didedahkan oleh Pustakawan bagi membantu masyarakat mengendalikan media sosial dengan cara sepatutnya. Pengetahuan ini boleh membantu mengenalpasti sumber sesuatu maklumat itu diperoleh sebelum ia tersebar di media sosial.*

*Kepentingan mendidik serta memberi pendedahan mengenai asas literasi maklumat juga perlu diterapkan kepada masyarakat sejak dari awal persekolahan bagi membendung serta menangani berita-berita palsu terutama sekali di pelbagai platform media sosial. Tahap literasi media yang baik dapat membantu masyarakat membuat perbandingan sesuatu laporan dengan merujuk kepada sumber lain sebelum membuat andaian atau mengemukakan, lebih-lebih lagi membabitkan isu sensitif dan politik.*

*Adalah amat penting seseorang Pustakawan mempunyai pengetahuan dari segi undang-undang contohnya seperti Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, Akta Fitnah dan Akta Hasutan yang boleh membawa hukuman denda atau penjara di samping menyedarkan masyarakat akan implikasi penyebaran berita palsu dari segi aspek undang-undang.*

*Secara kesimpulannya, masyarakat perlu mengamalkan nilai-nilai murni, kebebasan, demokrasi dan hak untuk mendapatkan maklumat tetapi pada masa yang sama, kerajaan juga perlu mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang mengambil kesempatan untuk menyebarkan berita palsu ini.*

**KENALI PUSTAKAWAN**

**ANDA**





**ENCIK NURULIZWAN  
BIN AMIR**

**Kelulusan: Sarjana Muda Sains Pengurusan  
Maklumat Dengan Kepujian  
(Pengurusan Pusat Sumber Maklumat)**

**Emel: [izwan8704@uitm.edu.my](mailto:izwan8704@uitm.edu.my)**

**2008 hingga 2009**

*PTAR 1, UiTM Shah Alam Bahagian Sokongan Penyelidikan*

**2009 hingga kini**

*PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Permatang Pauh Unit Sistem Maklumat &*

*Unit Perkhidmatan Maklumat (hingga 2020) @*

*Unit Pembelajaran, Penyelidikan Dan Rujukan & Unit Perpustakaan Digital*

*(2020 hingga kini)*

**KENALI PUSTAKAWAN**

**ANDA**

**24**



## Apakah Peranan Pustakawan?



*Pada pandangan tuan, apakah peranan Pustakawan dalam menangani berita-berita palsu di pelbagai platform media sosial yang berkemungkinan dijadikan sebagai sumber penulisan?*

“

*Pada pandangan saya, sebagai seorang yang telah dilatih dengan selok belok pengurusan maklumat seorang Pustakawan memainkan peranan yang sangat penting dalam menangani berita-berita palsu yang berkemungkinan dijadikan sebagai bahan penulisan. Pustakawan bertanggungjawab untuk memaklumkan dan menunjuk ajar dengan menggunakan pelbagai jenis platform media sosial tentang akibat jika menggunakan bahan dari sumber yang tidak sahih atau palsu. Penulisan menggunakan berita palsu atau tidak sahih amat merbahaya kerana masyarakat boleh dipesongkan oleh fakta yang meragukan dan mewujudkan masyarakat seperti golongan anti vaksin yang memutarbelitkan maklumat untuk membenarkan apa yang mereka percayai. Dengan itu, Pustakawan yang mempunyai kepakaran dalam menguruskan maklumat dapat membantu para penyelidik contohnya untuk mendapatkan maklumat yang benar dan sahih sekaligus menjadikan hasil penulisan itu baik dan tidak terpesong serta memaparkan fakta yang benar dalam menjayakan masyarakat berpengetahuan.*

**KENALI PUSTAKAWAN**

**ANDA**



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Abdul Razak

Unit Penerbitan dan Pemasaran,  
Bahagian Komunikasi Korporat,  
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),  
UiTM Shah Alam.

**No. Tel: 03-5544 3731**



ISO 9001:2015 PTAR, SHAH ALAM

UiTM *di hatiku*



"LIBRARY for ALL"